

'Muhyiddin tidak wajar dapat pasport secara kekal'

Kuala Lumpur: Pendakwa menegaskan bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin tidak wajar dibenarkan mendapatkan kembali pasportnya secara kekal kerana masih berdepan tiga tuduhan pengubahan wang haram dan berisiko melarikan diri.

Timbalan Pendakwa Raya Lim Wai Keong, berkata pendakwaan percaya tiga tuduhan pengubahan wang haram itu boleh berdiri dengan sendiri walaupun empat tuduhan predikat, iaitu bagi kesalahan salah guna kedudukan sudah dibatalkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 15 Ogos lalu.

Wai Keong yang menjawab affidavit Presiden BERSATU itu bagi mendapatkan pasportnya kembali secara kekal, berkata tidak wajar bagi Muhyiddin menyatakan tuduhan pengubahan wang haram yang dikenakan terhadapnya itu tidak berasas.

Katanya, tiga tuduhan terbahit mewajarkan syarat jaminan bon yang diberikan oleh Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 10 Mac lalu dikekalkan bagi memastikan kehadiran tertuduh di mahkamah, iaitu syarat jaminan dipersetujui Muhyiddin sendiri ketika permohonan jaminan bon sebelum ini.

"Saya percaya bahawa keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur membatalkan pertuduhan predikat masih pada peringkat rayuan di Mahkamah Rayuan dan tarikh pendengaran



Muhyiddin dilepas dan dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur 15 ogos lalu.

ditetapkan pada 28 dan 29 Februari tahun depan.

"Kenyataan pemohon bahawa tuduhan pengubahan wang haram tidak berasas kerana tuduhan predikat sudah dibatalkan. Saya menegaskan kenyataan itu tidak bertanggungjawab dan pramatang.

"Tuduhan pengubahan wang haram belum dibicarakan dan permohonan untuk mengetepikan tuduhan juga belum dide-ngar. Kenyataan ini seolah-olah melangkaui kuasa mahkamah dan mencabar kuasa pendakwa raya seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan," katanya.

Wai Keong berkata, alasan

yang dikemuka Ahli Parlimen Pagoh tidak munasabah bagi mewajarkan pelepasan pasport secara kekal dan Muhyiddin sepatutnya membuat permohonan di mahkamah untuk pelepasan pasport sementara.

Beliau berkata, permohonan itu boleh dibuat dari semasa ke masa sekiranya diperlukan bagi tujuan perjalanan ke luar negara selepas mendapat kebenaran mahkamah.

Mahkamah Tinggi melepas dan membebaskan Muhyiddin, daripada empat tuduhan menggunakan kedudukannya untuk rasuah berjumlah RM232.5 juta bagi parti itu, selepas membenarkan permohonannya.